



KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN/ PERSIDANGAN/ PERHIMPUNAN/ PROGRAM/ AKTIVITI PERTUBUHAN BELIA BERHUBUNG JANGKITAN PENYAKIT COVID-19 DI MALAYSIA

Merujuk kepada Perutusan Khas yang terbaru oleh YAB Perdana Menteri berkaitan status jangkitan penyakit COVID-19 di Malaysia serta pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta pengumuman oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) pada 18 April 2020 agar semua Mesyuarat Agung Tahunan syarikat, koperasi, persatuan dan organisasi ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan diumumkan oleh pihak MKN dan KKM kecuali mesyuarat yang dijalankan secara dalam talian seperti persidangan video adalah dibenarkan.

Selaras dengan arahan YB Menteri Belia dan Sukan supaya semua pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia mematuhi arahan PKP dan nasihat KKM yang sedang berkuatkuasa, maka adalah dinasihatkan agar semua pertubuhan belia MENANGGUHKAN pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan/ Persidangan/ Perhimpunan/ Program/ Aktiviti sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak oleh pihak Kerajaan. Namun demikian mesyuarat lain yang dijalankan secara atas talian seperti persidangan video adalah dibenarkan.

Sehubungan dengan itu, sebarang urusan dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia boleh diteruskan dengan melayari sesawang kami <https://eroyyv2.gov.my> dan sebarang pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan menerusi e-mel kami roy_hq@kbs.gov.my.

Adalah diharapkan agar kita semua terus mematuhi saranan untuk duduk di rumah, amalkan jarak sosial yang selamat, teruskan amalan kebersihan diri yang tinggi dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

**PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

21 APRIL 2020